

**EXPANSION OF ASNAF *GHARIMIN'S* INTERPRETATION IN A PANDEMIC  
CONTEXT IN MALAYSIA**

**PERLUASAN TAFSIRAN ASNAF *GHARIMIN* DALAM KONTEKS PANDEMIK DI MALAYSIA**

Azman Ab Rahman<sup>i</sup>, Nur Wahida Lokman<sup>ii</sup>, Md Yunus Abd Aziz<sup>iii</sup>, Muhammad Firdaus Ab Rahman<sup>iv</sup> & Hussein 'Azeemi Abdullah Thaidi<sup>v</sup>

- <sup>i</sup> (*Corresponding author*). Profesor, Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM); AJK, Akademi Fiqh Islami Malaysia (AFHAM). azman@usim.edu.my  
<sup>ii</sup> Pelajar Sarjana, Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). wadaaa@raudah.usim.edu.my  
<sup>iii</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). yunus@usim.edu.my  
<sup>iv</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). mfirdaus.rahman@usim.edu.my  
<sup>v</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). hussein@usim.edu.my

<b>Abstract</b>	<p><i>The Covid-19 pandemic that has lasted for over a year has dealt a huge blow to the socioeconomic position and Malaysians well being. Various initiatives have been issued by the government to help the less fortunate including the implementation of a moratorium. Zakat institutions are also indirectly involved in helping people who are in debt in the context of asnaf gharimin. However, when there is a pandemic, the criteria for gharimin scheme recipients need to be re-examined in determining the eligible groups. Therefore, this study was conducted to analyze the interpretation of asnaf gharimin according to the scholars of 4 Madhab, contemporary interpretation and the expansion of its interpretation in the context of the pandemic. This study uses documentation, observation and analysis methods to achieve the objectives of the study. The results show that the interpretation of asnaf gharimin in the pandemic context can be expanded to traders whose sources of income are affected to the point of not being able to repay debts and those who need to settle debts immediately. It is hoped that this study can be a guide and reference for zakat institutions or certain organizations in managing zakat-related affairs for asnaf gharimin during the pandemic.</i></p> <p>Keywords: <i>Expansion, Asnaf, Gharimin, Zakat, Pandemic.</i></p>
<b>Abstrak</b>	<p><i>Pandemik Covid-19 yang berlarutan lebih setahun telah memberi tamparan hebat kepada kedudukan sosioekonomi dan kesejahteraan rakyat Malaysia secara keseluruhan. Pelbagai inisiatif telah dikeluarkan oleh kerajaan bagi membantu mereka yang kurang bernasib baik termasuklah pelaksanaan moratorium. Institusi zakat juga secara tidak langsung terlibat dalam membantu golongan yang berhutang dalam konteks asnaf gharimin. Namun, apabila berlakunya pandemik kriteria penerima skim gharimin perlu dilihat semula dalam menentukan golongan yang layak. Justeru, kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisis tafsiran asnaf gharimin menurut 4 Mazhab,</i></p>

*tafsiran kontemporari dan perluasan tafsirannya dalam konteks pandemik. Kajian ini menggunakan kaedah dokumentasi, pemerhatian dan analisis dalam mencapai objektif kajian. Hasil kajian mendapati bahawa pentafsiran asnaf gharimin dalam konteks pandemik boleh diperluaskan kepada peniaga yang terjejas sumber pendapatannya sehingga tidak mampu membayar balik hutang dan mereka yang perlu melangsaikan hutang dengan segera. Diharapkan kajian ini dapat menjadi panduan dan rujukan kepada institusi zakat mahupun organisasi tertentu dalam menguruskan hal ehwal berkaitan zakat kepada asnaf gharimin semasa pandemik.*

Kata Kunci: *Perluasan, Asnaf, Gharimin, Zakat, Pandemik.*

## PENDAHULUAN

Manusia pada hari ini kebanyakannya tidak dapat lari daripada belenggu hutang baik mereka yang kaya mahupun miskin. Malahan, orang kaya kadang-kadang lebih banyak memiliki tanggungan hutang berbanding orang yang miskin dek kerana cara hidup yang berlebihan. Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan seseorang itu berhutang antaranya untuk memenuhi keperluan asas hidup yang mendesak ataupun sekadar untuk memenuhi kepuasan hidup yang diinginkan.

Islam sejak dahulu lagi telah menyediakan jalan penyelesaian yang sangat efektif bagi membantu mereka yang mempunyai masalah dibelenggu hutang yang banyak iaitu melalui bantuan zakat. Ini jelas terbukti melalui firman Allah s.w.t:

﴿ إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَارِمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ

السَّبِيلِ ۗ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ۝﴾

Maksudnya: “*Sesungguhnya zakat-zakat itu, hanyalah untuk orang fakir, orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para mu'allaf yang dibujuk hatinya, untuk (memerdekakan) budak, orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan untuk mereka yang sedang dalam perjalanan, sebagai suatu ketetapan yang diwajibkan Allah, dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana*” (al-Qur'an. at-Tawbah: 60)

Berdasarkan ayat diatas dapat dilihat bahawa mereka yang dibelenggu hutang atau dipanggil sebagai *al-gharimin* boleh dibantu dengan bantuan zakat. Tiba tahun 2020, ekoran daripada wabak pandemik Covid-19, telah muncul kluster baru iaitu *al-gharimin* COVID-19. Kluster ini tergolong dalam kalangan isi rumah yang terkesan akibat kehilangan pekerjaan dan penutupan perniagaan. Mereka bukan sahaja kehilangan punca pendapatan malah kini dibebani dengan komitmen untuk melangsaikan hutang, menjelaskan bil-bil tertunggak selain menyara keperluan asas makan, minum keluarga dan persekolahan anak-anak. Melihat kepada keadaan masalah hutang masyarakat sekarang, kebanyakan hutang mereka bukan atas nilai untuk keperluan asas, namun ia lebih kepada hutang untuk kemewahan dan kepentingan. Timbul persoalan apakah nilai keberhutangan seperti itu wajar dibantu dan diambil kira dalam melakukan agihan dana zakat semasa pandemik. Adakah semua orang yang mempunyai masalah dibelenggu hutang semasa pandemik boleh dikategorikan sebagai *al-gharimin* atau ada kategori-kategori tertentu. Justeru, kajian ini akan memberikan perluasan tafsiran asnaf *al-gharimin* dalam konteks pandemik untuk dijadikan rujukan pihak yang berautoriti dalam mendefinisikan asnaf *al-gharimin* di waktu pandemik seterusnya mengagihkan zakat kepada mereka yang memerlukan.

## OBJEKTIF KAJIAN

Institusi zakat merupakan institusi yang berperanan sebagai medium pengantara antara pembayar dan penerima zakat. Institusi ini memainkan peranan penting untuk mengutip dan mengagihkan zakat secara efisien. Namun, penularan wabak pandemik Covid-19 yang

melanda seluruh dunia khususnya Malaysia telah menimbulkan pelbagai isu dari sudut *muamalat, munakahat, ibadat* termasuk juga zakat yang perlu dilihat dari sudut kedudukan pengaplikasian hukum termasuklah penerima zakat asnaf *gharimin*. Oleh itu, tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk untuk membincangkan tafsiran asnaf *gharimin* menurut 4 Mazhab, tafsiran kontemporari dan perluasan tafsirannya dalam konteks pandemik.

### **METODOLOGI KAJIAN**

Reka bentuk kajian adalah satu pelan tindakan yang memperlihatkan bagaimana sesuatu kajian dijalankan. Reka bentuk kajian menjadi panduan kepada pengkaji untuk mengumpul dan menganalisis data terhadap penyelidikan yang digunakan. Reka bentuk kajian yang digunakan adalah berasaskan pendekatan kualitatif. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah dokumentasi, pemerhatian dan analisis dalam proses pengumpulan data.

### **SOROTAN LITERATUR**

Zakat merupakan ibadah yang sangat besar nilainya dalam ajaran Islam. Ianya sering kali digandingkan dengan ibadah solat di dalam al-Quran. Menurut al-Zahraniyy (1992), lafaz perkataan zakat diulang-ulang sebanyak 32 kali dan digandingkan bersama solat pada 26 tempat di dalam al-Quran. Gandingan ini menunjukkan bahawa zakat merupakan ibadah yang sangat penting apabila ianya digandingkan dengan ibadah yang menghubungkan manusia dengan Allah SWT secara langsung iaitu solat.

Bencana wabak Covid-19 telah memberi implikasi yang besar kepada masyarakat di seluruh dunia secara umumnya dan di Malaysia secara khususnya. Pelbagai aspek telah terjejas termasuk aspek kesihatan, ekonomi dan sebagainya. Pihak kerajaan telah mengambil langkah yang proaktif dengan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung penularan wabak ini. Kesan daripada pelaksanaan PKP ini telah menyebabkan ramai golongan masyarakat terkesan terutama golongan miskin, golongan yang dibuang kerja, golongan peniaga dan sebagainya. Hal ini menyebabkan pelbagai agensi bantuan seperti institusi zakat mahupun NGO membantu golongan yang terjejas akibat pandemik Covid-19 (Azman et.al, 2021). Meskipun pengagihan zakat seperti yang dilakukan institusi zakat berbeza daripada kebiasaan amalan agihan dilakukan selama ini, masyarakat perlu jelas akan pengurusan pengagihan zakat yang dilakukan institusi zakat ketika wabak Covid-19 bertepatan dengan kehendak syarak.

Menurut Azman dalam kajiannya (2021) wujud segelintir masyarakat mempersoalkan kebolehan bagi golongan yang terjejas menerima bantuan zakat seperti pembahagian zakat yang berlaku ketika era pandemik ini dan adakah mereka termasuk di dalam kategori asnaf sebagai orang yang layak menerima zakat atau tidak. Hal ini berlaku kerana umumnya masyarakat mengetahui akan tafsiran asnaf lapan merupakan golongan yang ditetapkan Allah tanpa perlu dibahaskan. Adapun selain daripada lapan golongan tersebut tidak layak diberikan zakat kepada mereka. Sungguhpun begitu, dalam konteks dimensi baharu Covid-19, pentafsiran asnaf zakat yang disebutkan dalam al-Quran telah diperluaskan oleh para fuqaha' dengan mengambil kira maslahat awam yang perlu dibantu. Perkara ini perlu diteliti agar perluasan pentafsiran asnaf zakat yang telah dilakukan oleh fuqaha' bertepatan dengan syariat Islam tanpa menidakkan dan mengenyepikan hak golongan asnaf yang wajib dibantu terlebih dahulu dengan menggunakan dana zakat.

Institusi zakat menghadapi cabaran dalam menyelesaikan beberapa isu yang berkaitan perihal zakat saat dilanda wabak pandemik Covid-19. Pelbagai isu yang berkaitan kutipan dan agihan zakat memerlukan kepada ijtihad dan hukum. Maka keperluan untuk membangunkan garis panduan sangat dititikberatkan agar kerangka hukum fiqh zakat perlu didasari berasaskan pensyariatan zakat (Azman et. al, 2021). Keperluan pengurusan dana zakat dalam bentuk dimensi baharu sewaktu pandemik. Kajian Mohd Izzuddin dan Fatimah Nadirah (2021) menyatakan bahawa aplikasi *Qawa'id Fiqhiyyah* boleh menjadi instrumen panduan bagi membina dimensi baharu dalam urusan kutipan dan juga agihan zakat. Institusi zakat perlu mempunyai misi dan visi serta pelan perancangan strategik yang

jelas dalam urusan kutipan dan agihan zakat. Institusi zakat ini juga perlu memberikan keyakinan kepada masyarakat akan peranan besar yang telah dimainkan oleh mereka dalam mengutip dan mengagihkan zakat perlu diperhebatkan. Maka dengan adanya garis panduan pengurusan zakat pandemik, maka institusi zakat dapat merancang dan menyelesaikan beberapa isu berkenaan zakat sewaktu pandemik pada masa kini dan juga akan datang. Justeru, kajian ini sangat diperlukan bagi menyelesaikan permasalahan yang berlaku terutama perihal zakat kepada asnaf *gharimin* ketika pandemik yang melibatkan hutang dengan bank. Ini kerana Islam sangat menitikberatkan pembayaran balik hutang selepas meminjam.

## **DAPATAN KAJIAN**

Kajian ini memfokuskan kepada tafsiran asnaf *gharimin* menurut 4 Mazhab iaitu Mazhab Maliki, Mazhab Hambali, Mazhab Hanafi dan Mazhab Syafi'i. Seterusnya tafsirannya menurut ulama kontemporari dan perluasan tafsirannya dalam konteks pandemik.

### **Tafsiran *Al-Gharimin* Menurut 4 Mazhab**

Perbincangan mengenai tafsiran *al-gharimin* telah melalui perbincangan yang panjang dalam kalangan ulama mazhab. Setiap mereka mempunyai pandangan yang berbeza dalam menetapkan tafsiran tersebut:

#### **1. Mazhab Hanafi**

Menurut Ibn Abidin (1984), *al-gharimin* ialah orang yang berhutang. Kemudian dijelaskan lagi oleh al-Sarakhsiyy (1986) mereka ialah yang menanggung hutang dan tidak memiliki harta yang melebihi hutangnya atau mempunyai harta tetapi harta tersebut masih berada pada orang lain dan tidak mampu mendapatkannya (al-Marghinaniyy, 1990; Ibn al-Humam, 1995; al-Babartiyy, 2007). Ulama mazhab Hanafi juga telah menetapkan bahawa mereka yang berhutang layak menerima zakat sekiranya dia memenuhi beberapa syarat yang telah ditetapkan. Syaratnya ialah mesti beragama Islam, merdeka, bukan keturunan Bani Hashim, fakir, masih hidup dan hutang adalah hak manusia. Jika hutang tersebut berkaitan dengan hak Allah seperti hutang kafarah maka ia tidak melayakkannya untuk menerima zakat (al-Kasaniyy, 2000).

#### **2. Mazhab Maliki**

Zakat diberikan kepada mereka yang memerlukan termasuklah mereka yang berhutang dan tiada tempat tinggal atau hamba (Imam Malik, 1994). Menurut Abu Muhammad Abdul Wahab, (2004) *al-gharimin* ialah orang yang berhutang yang diberikan zakat kepadanya dengan tujuan untuk melangsaikan hutangnya dengan beberapa syarat. Iaitulah dia hendaklah seorang yang merdeka, muslim dan bukan daripada keturunan Bani Hashim. Dinyatakan juga dalam kitab *Fiqh al-Ibadat- Maliki- Qism*, syarat hutang yang dibenarkan untuk mendapatkan zakat adalah hutang tersebut mestilah untuk masalah syariah dan bukannya untuk maksiat seperti membeli arak. Syarat ini dikuatkan lagi dengan definisi *gharim* yang diberikan oleh al-Qurafiyy (2008) iaitu sesiapa yang berhutang bukan pada perkara yang melebihi keperluan dan bukan pada maksiat serta tidak mempunyai harta untuk membayarnya atau memiliki harta tetapi tidak mencukupi, maka diberikan harta zakat kepadanya untuk membayar hutang tersebut. Mazhab Maliki menekankan sekiranya seorang penghutang itu sudah meninggal dunia dan tidak sempat melangsaikan hutangnya maka hutang tersebut perlu diselesaikan oleh Baitulmal dengan menggunakan wang zakat. Menurut Mazhab ini, menyelesaikan hutang mereka yang meninggal dunia itu lebih diutamakan berbanding mereka yang masih hidup kerana masih mempunyai harapan untuk melunaskan hutang mereka sendiri (al-Dusuqiyy, 2003).

### 3. Mazhab Shafi'i

Imam al-Shafi'iy menjelaskan bahawa terdapat dua kategori *al-gharimin*. Pertama adalah individu yang berhutang untuk keperluan dirinya pada perkara baik dan bukan maksiat. Dia layak menerima zakat sekiranya tidak mampu membayar hutang tersebut kerana tiada aset dan wang. Manakala kategori kedua pula adalah mereka yang berhutang untuk menyelesaikan konflik (al-Shafi'iy, 1996). Imam al-Shafi'iy menguatkan pandangannya berdasarkan kepada hadis yang diriwayatkan oleh Qubaysah bin Mukhariq al-Hilaliyy:

*"Aku pernah menanggung hamalah (tanggungan atau hutang untuk mendamaikan dua kabilah yang saling bersengketa dengan bayaran diyat atau denda). Lalu aku datang kepada Rasulullah s.a.w meminta bantuan untuk membayarnya. Jawab baginda,: "Tunggulah hingga orang datang menghantarkan zakat, nanti kusuruh serahkan kepadamu." Kemudian baginda melanjutkan sabdanya, "Hai Qabishah! Sesungguhnya meminta-minta itu tidak boleh (tidak halal) kecuali untuk tiga golongan: Pertama, seseorang yang menanggung hutang (gharim, untuk mendamaikan dua orang yang bersengketa atau seumpamanya). Maka orang itu boleh meminta-minta, sehingga hutangnya langsi. Apabila hutangnya telah selesai, maka tidak boleh lagi dia meminta-minta. Kedua, seseorang yang ditimpa bencana, sehingga harta bendanya musnah. Maka dia boleh meminta-minta sehingga dia memperoleh apa yang dapat memenuhi keperluan hidupnya. Ketiga, seseorang yang ditimpa kesusahan atau kemiskinan, (disaksikan atau diketahui oleh tiga orang yang dipercayai bahawa dia memang miskin). Orang itu boleh meminta-minta hingga dia memperoleh sumber kehidupan yang layak. Selain tiga golongan tersebut, haram baginya meminta-minta dan haram pula baginya memakan hasil perbuatan meminta minta itu."(Hadith. Muslim. Kitab al-Zakat, Bab Man Tahilu lahu Mas'alah, 1044)*

Manakala al-Nawawiyy (2000) mengkategorikan *al-gharimin* kepada 3 golongan. Golongan pertama adalah mereka yang berhutang untuk menyelesaikan konflik, jika hutangnya masih belum dilunaskan maka dia layak untuk mendapatkan zakat asnaf *al-gharimin* untuk melangsaikan hutang tersebut walaupun dia seorang yang kaya. Sekiranya hutang tersebut telah diselesaikan terlebih dahulu menggunakan hartanya, maka dia telah hilang kelayakan untuk menerima zakat tersebut. Golongan kedua adalah individu yang berhutang untuk keperluan diri sendiri atau keperluan ahli keluarga, pada perkara yang bukan berunsurkan maksiat. Individu ini layak menerima zakat dengan syarat: dia berhajat kepada bantuan untuk melangsaikan hutang tersebut dengan sebab dia tidak mampu atau hanya mampu separuh, dia berhutang untuk melakukan amalan taat atau untuk perkara yang dibenarkan oleh syarak atau jika hutang tersebut perlu di perlu diselesaikan segera. Golongan yang ketiga layak untuk menerima zakat *al-gharimin* pula adalah individu yang menjamin orang yang berhutang dengan syarat penjamin dan penghutang dalam keadaan keduanya tidak mampu melangsaikan hutang tersebut.

### 4. Mazhab Hambali

*Al-Gharimin* secara ringkasnya adalah orang Islam yang berhutang. Menurut Ibn Qudamah (1992) *al-gharimin* adalah individu berhutang yang tidak mampu melunaskan hutangnya dan ia terbahagi kepada dua golongan. Golongan pertama ialah individu yang berhutang untuk memperbaiki perhubungan manusia sekalipun antara ahli *al-dhimmah* dan dia menanggung beban tanggungjawab (*himalah*) disebabkan kemusnahan diri atau harta atau rampasan harta kerana *diyyah* atau harta untuk menenangkan keadaan daripada fitnah yang timbul antara dua kumpulan. Zakat diberi kepada individu tersebut untuk menyelesaikan tanggungan *himalah* tersebut, sekalipun orang itu kaya atau merupakan seorang yang mulia (al-Bahuti, 1982). Golongan kedua adalah orang yang berhutang untuk kemaslahatan dirinya pada perkara yang diharuskan sekalipun untuk membebaskan dirinya daripada orang kafir. Justeru, dia dibenarkan untuk mengambil zakat *al-gharimin* sekiranya dia tidak mampu untuk melunaskan hutang tersebut (al-Bahutiyy, 1982).

### **Definisi *Al-Gharimin* Menurut Tafsiran Kontemporari**

Al-Qardawi (1994) mendefinisikan *al-gharimin* sebagai golongan yang mempunyai hutang untuk kemaslahatan dirinya seperti nafkah, membeli pakaian, melaksanakan perkahwinan, mengubati orang sakit, mendirikan rumah, membeli perabot rumah, mengahwinkan anak atau menggantikan barang orang lain yang rosak atas sebab kesalahan lupa atau sebagainya. Manakala Wahbah al-Zuhaili (1991) menakrifkan bahawa golongan *al-gharimin* adalah individu yang berhutang untuk kegunaan dirinya sendiri dengan syarat bukan pada perkara maksiat, juga bukan atas dasar pembaziran dan dia tidak memiliki harta untuk melangsaikan hutang tersebut. Ia juga merujuk kepada individu yang berhutang untuk menyelesaikan konflik walaupun dia seorang yang kaya. Al-Khin (2005) memberikan pandangan yang lebih jelas iaitu mereka adalah individu yang dibebani hutang dan tidak mampu melunaskannya atau mereka yang berhutang untuk menyelesaikan persengketaan. Mereka diberi harta zakat yang mencukupi dengan tujuan untuk melunaskan hutang yang telah sampai tempohnya dan menampung keperluan makan minum, pakaian dan tempat tinggal dengan syarat mereka berhutang untuk tujuan yang halal.

### **PERBINCANGAN**

#### **Tafsiran *Al-Gharimin* Dalam Konteks Pandemik**

Malaysia mengalami kemelesatan ekonomi berakibat daripada pandemik Covid-19. Golongan yang paling terkesan dengan masalah ekonomi ini ialah golongan asnaf berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan oleh pihak kerajaan kerana telah membataskan mereka dalam mencari sumber rezeki untuk menyara keluarga. Namun, kesan pandemik ini bukan sahaja dirasai oleh golongan asnaf sahaja akan tetapi juga kepada golongan M40 dan T20 yang terjejas sumber pendapatan mereka (Azman, 2021). Menurut laporan Mohd Nasaruddin (2020) dalam Berita Harian Online, penyebaran wabak Covid-19 ini telah mengakibatkan seramai 800 ribu individu hilang punca pendapatan, hilang pekerjaan dan perniagaan mengalami kemerosotan sehingga menyebabkan pendapatan isi rumah tidak stabil.

Bank Negara Malaysia (BNM) juga pada tahun 2020 telah mengumumkan bahawa Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) merekodkan penguncupan 17.2 peratus pada suku kedua tahun tersebut kesan daripada penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan. Lantas, kemunculan kluster '*al-gharimin*' COVID-19 adalah tidak dapat dielakkan. Berikut merupakan golongan yang boleh diperluaskan tafsiran asnaf *al-gharimin* dalam konteks pandemik:

#### **1. Golongan Pertama: Peniaga Terjejas Sumber Pendapatan**

Golongan yang boleh diperluaskan tafsiran *asnaf al-gharimin* semasa pandemik adalah peniaga yang terjejas sumber pendapatan. Kebanyakan golongan isi rumah terkesan akibat kehilangan pekerjaan dan penutupan perniagaan. Mereka bukan sahaja terjejas sumber pendapatan malah berhadapan pula dengan komitmen melangsaikan hutang, menjelaskan bil tertunggak selain menyara keperluan asas makan minum keluarga dan persekolahan anak. Syahnaz Sulaiman (2020) berpendapat bahawa asnaf *al-gharimin* COVID-19 mungkin boleh *difiaskan* sebagai mereka yang hilang sumber mata pencarian kesan malapetaka pandemik tersebut.

Jelasnya, golongan ini berdepan ujian getir kerana menanggung beban hutang sehingga sukar meneruskan kehidupan jika tiada bantuan dihulurkan. Sehingga kini, tiada statistik menyeluruh berhubung jumlah sebenar isi rumah diklasifikasikan sebagai asnaf *al-gharimin* COVID-19. Namun, ia dijangka meningkat jika krisis pandemik berterusan. Dalam menyokong usaha kerajaan membantu rakyat mendepani saat gawat sepanjang siri Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Utusan Malaysia telah bekerjasama dengan CTOS Data System Sdn.Bhd dalam menjalankan satu kaji selidik penilaian kredit membabitkan lebih 100,000 orang. Hasil kaji selidik mendapati bahawa rata-rata responden tidak dapat memenuhi komitmen untuk melangsaikan hutang-piutang seperti sebelum Covid-19

melanda akibat ekonomi mereka yang terjejas (Media Mulia, 2020). Kebanyakan peniaga yang terjejas sumber pendapatan melalui perniagaan telah berhadapan dengan masalah seperti tidak dapat membayar sewa pejabat, membayar bil-bil bulanan, membayar hutang pembekal, membayar pekerja dan lain-lain akibat daripada kemerosotan perniagaan mereka. Penulis melihat bahawa golongan ini boleh diklasifikasikan sebagai asnaf *gharimin* yang diperluaskan tafsirannya menurut konteks pandemik berdasarkan beberapa definisi dan hujah yang diberikan oleh ulama-ulama mazhab dan ulama kontemporari.

Berdasarkan definisi-definisi yang diberikan oleh ulama-ulama mazhab dan ulama kontemporari, penulis berpandangan bahawa peniaga yang terjejas perniagaan boleh diberikan zakat asnaf *gharimin* dan boleh dikategorikan dalam kalangan mereka yang diperluas tafsiran asnaf *gharimin* ketika pandemik. Hal ini kerana, perniagaan merupakan sumber pencarian mereka dan hutang yang tidak dapat dilangsaikan itu tertanggung disebabkan perniagaan mereka yang merosot lalu menyebabkan hutang melebihi harta. Mereka ini boleh dikategorikan sebagai asnaf *gharimin* dengan berpandukan kepada pendapat al-Sarakhsiyy (1986), ulama daripada mazhab Hanafi yang berpandangan asnaf *gharimin* adalah mereka yang menanggung hutang dan tidak memiliki harta yang melebihi hutangnya. Tunggakan hutang mereka juga boleh dikategorikan sebagai hutang untuk kelangsungan hidup diri dan keluarga seperti mana kategori yang dinyatakan oleh al-Nawawiyy, ulama daripada mazhab Shafi'i. Al-Nawawiyy (2000) mengkategorikan *al-gharimin* kepada 3 golongan dimana salah satu golongan yang termasuk adalah mereka yang berhutang untuk keperluan diri sendiri atau keperluan ahli keluarga dan pada perkara yang bukan berunsurkan maksiat. Ulama kontemporari juga memberikan definisi yang lebih kurang sama iaitu Wahbah al-Zuhayliyy (1991) yang menakrifkan bahawa golongan *al-gharimin* adalah individu yang berhutang untuk kegunaan dirinya sendiri dengan syarat bukan pada perkara maksiat, juga bukan atas dasar pembaziran dan dia tidak memiliki harta untuk melangsaikan hutang tersebut.

Penulis juga mendapati bahawa zakat ini boleh diberikan kepada mereka dengan syarat perniagaan tersebut berlandaskan syariat, halal dan peniaga tidak mempunyai harta atau wang untuk melunaskan hutang-hutang tersebut selain daripada peniaga tersebut mestilah beragama Islam. Syarat ini adalah berdasarkan syarat yang ditetapkan oleh ulama seperti al-Sarakhsiyy (1986) yang mengatakan mereka ini layak menerima zakat dengan syarat mestilah beragama Islam, merdeka, bukan keturunan Bani Hashim, fakir, masih hidup dan hutang adalah hak manusia. Abu Muhammad Abdul Wahab (2004) yang merupakan ulama daripada Mazhab Maliki juga memberikan definisi yang lebih kurang sama iaitu *al-gharimin* ialah orang yang berhutang yang diberikan zakat kepadanya dengan tujuan untuk melangsaikan hutangnya dengan beberapa syarat. Iaitulah dia hendaklah seorang yang merdeka, muslim dan bukan daripada keturunan Bani Hashim.

Melihat kepada situasi peniaga di Malaysia semasa pandemik, penulis berpendapat bahawa pusat zakat boleh membantu dengan memberikan zakat *gharimin* semasa pandemik kepada peniaga demi menyelesaikan hutang seperti bayaran permis, bil air dan elektrik serta bayaran pembekal. Mereka perlu dibantu dalam melunaskan hutang dengan kadar yang diperlukan supaya dapat menjalankan perniagaan seterusnya meneruskan kelangsungan hidup. Dr Syahnaz Sulaiman yang merupakan pensyarah kanan di Fakulti Ekonomi dan Muamalat, USIM juga berpendapat bahawa satu mekanisme strategik perlu dibentuk bagi membantu asnaf *al-gharimin* COVID-19. Beliau mencadangkan supaya diwujudkan dana khusus secara berpusat sama ada di BNM atau pusat zakat bagi membantu golongan ini melangsaikan hutang di institusi perbankan dan kewangan Islam.

## 2. Golongan Kedua: Perlu Melunaskan Hutang Dengan Segera

Golongan kedua yang boleh dikategorikan sebagai asnaf *gharimin* semasa pandemik adalah golongan yang perlu melunaskan hutang dengan segera. Sehingga kini, masih belum ada statistik menyeluruh berhubung jumlah sebenar isi rumah yang diklasifikasikan sebagai asnaf *gharimin* COVID-19. Namun, ia dijangka meningkat jika krisis kehilangan pekerjaan

berterusan. Senario ini memberi impak kepada peningkatan kes keingkaran melunaskan hutang dengan pihak bank, bahkan bakal menjadi faktor penyumbang utama insiden muflis. Perkara ini juga akan menyebabkan bank perlu berdepan dengan risiko pertambahan kes pinjaman tidak berbayar yang sekiranya dibiarkan, memberi pengaruh negatif kepada institusi (Syahnaz Sulaiman, 2020).

Mereka yang berhutang boleh menarik nafas lega dengan kehadiran inisiatif moratorium daripada pihak bank tetapi apa yang dirisaukan adalah apabila tempoh moratorium sudah selesai. Kebanyakan masyarakat beranggapan bahawa moratorium merupakan pemberian cuti kepada peminjam daripada membuat bayaran pinjaman selama enam bulan (Mohamad Fazli Sabri, 2021). Hakikatnya ia merupakan penangguhan bayaran pinjaman dengan faedah yang masih dikira dan peminjam tetap perlu membayar semula selepas tempoh 6 bulan telah tamat. Namun penulis melihat bahawa tidak semua mereka yang telah mendapat pekerjaan baru mampu mengumpul wang untuk bayaran semula hutang yang tertanggung lebih-lebih lagi jika pembayaran tersebut perlu dilakukan dengan segera. Dengan itu mereka yang perlu melunaskan hutang dengan segera boleh dikategorikan sebagai asnaf *gharimin* semasa pandemik dengan merujuk kepada definisi-definisi yang dikemukakan oleh ulama-ulama mazhab dan ulama kontemporari.

Menurut al-Nawawiyy (2000), ulama daripada mazhab Shafi'i, *al-gharimin* boleh dikategorikan kepada tiga golongan dan pandangan ini disokong oleh kebanyakan ulama lain seperti al-Khatib (2008), Zakariyya al-Ansariyy (2001), al-Bayjuriyy (1999) dan banyak lagi. Tiga golongan tersebut adalah yang pertama individu yang berhutang untuk menyelesaikan konflik, kedua individu yang berhutang untuk keperluan diri sendiri dan keperluan ahli keluarga serta yang ketiga individu yang menjamin orang yang berhutang. Imam al-Nawawiyy menjelaskan lagi bahawa mereka yang daripada golongan kedua itu dibolehkan menerima zakat dengan syarat:

- i. Individu tersebut berhajat kepada bantuan untuk melangsaikan hutangnya. Mereka ini dikategorikan sebagai asnaf *gharimin* dan layak menerima zakat sekiranya mereka tidak mampu atau tidak mempunyai harta yang cukup untuk melangsaikan hutang tersebut. Jika individu tersebut tidak mempunyai harta atau wang tetapi dia mampu membayar hutang setelah dia bekerja dan dia mampu bekerja, maka dia tetap layak menerima zakat untuk melangsaikan hutang sekiranya dia perlu menyelesaikannya dalam tempoh masa yang terdesak. Ini kerana, untuk dia bekerja mendapatkan harta demi melangsaikan hutang akan memerlukan tempoh yang lebih lama. Sekiranya individu tersebut memiliki tanah, rumah, pakaian, perabot atau pinggan mangkuk tetapi dia tidak mempunyai wang yang cukup untuk membayar hutang dia tetap layak untuk menerima zakat tersebut kerana dia masih memerlukan aset demi kelangsungan hidup seharian.
- ii. Hutang tersebut adalah tidak melanggar syarak seperti membeli arak, berjudi dan sebagainya.
- iii. Hutang tersebut perlu diselesaikan dengan segera. Sekiranya ia boleh dilangsaikan dengan tempoh yang lebih lama, maka dia tidak layak untuk menerima zakat.

Setelah diteliti, penulis melihat bahawa mereka yang perlu melunaskan hutang dengan segera setelah tempoh moratorium tamat boleh dikategorikan sebagai mereka yang diperluas tafsiran asnaf *gharimin* ketika pandemik sekiranya memenuhi syarat yang dinyatakan oleh Imam al-Nawawiyy. Individu yang hilang punca pendapatan kemudian menerima inisiatif penangguhan bayaran dan telah mendapat pekerjaan baru tetapi masih tiada wang yang mencukupi untuk membayar hutang-hutangnya, maka ia boleh dikategorikan sebagai asnaf *gharimin* seterusnya boleh untuk mendapatkan zakat daripada pusat zakat. Namun hutang tersebut perlulah hutang yang dibenarkan oleh syarak dan memerlukannya untuk membayar dalam kadar tempoh yang segera. Sekiranya hutang



tersebut masih boleh dilanjutkan tempoh bayaran balik oleh pihak bank maka individu tersebut tidak layak dikategorikan sebagai asnaf *gharimin*.

Tambahan pula, perluasan ini juga boleh dilakukan dengan sokongan daripada pandangan ulama kontemporari. Menurut al-Khin (2005), *al-gharimin* adalah mereka yang dibebani hutang dan tidak mampu melunaskannya. Mereka boleh diberikan harta zakat yang mencukupi untuk melunaskan hutang yang telah sampai tempohnya dan menampung keperluan seharian dengan syarat mereka berhutang untuk tujuan yang halal. Penulis juga mendapati kebanyakan definisi asnaf *gharimin* daripada negeri-negeri menyertakan bahawa individu yang hutangnya perlu dilangsaikan segera adalah tergolong daripada golongan tersebut. Negeri-negeri seperti Johor, Pahang, Perlis, Kelantan, Wilayah Persekutuan dan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) menakrifkan asnaf *gharimin* sebagai mereka yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas diri, keluarga, tanggungannya atau masyarakat dan memerlukan penyelesaian segera selaras dengan hukum syarak. Kebanyakan negeri meletakkan ciri keperluan menyelesaikan hutang dengan segera sebagai mereka yang boleh diberikan zakat asnaf *gharimin*.

Institusi perbankan juga akan berhadapan dengan kesan yang besar sekiranya individu yang berhutang tidak melakukan bayaran pinjaman semula setelah moratorium tamat. Jadi, penulis menyarankan supaya tafsiran asnaf *gharimin* boleh diluaskan skopnya kepada mereka yang perlu melangsaikan hutang dengan segera setelah tempoh penangguhan bayaran hutang tamat berpandukan definisi-definisi yang dikemukakan oleh ulama-ulama mazhab, ulama kontemporari dan negeri-negeri di Malaysia. Ini juga demi membantu perbankan negara supaya tidak mengalami kerugian yang besar dan memberi kesan yang buruk kepada ekonomi negara. Menurut Gabenor Bank Negara Malaysia, Datuk Nor Shamsiah Mohd Yunus, jika bank mencatatkan kerugian, ia memberi kesan kepada tabungan pendeposit memandangkan pendapatan rata-rata rakyat didepositkan ke dalam bank dan bantuan pinjaman kewangan seterusnya juga sukar dilaksanakan (Sri Ayu, 2021). Penulis berpendapat bahawa pusat zakat boleh membantu dengan memberikan zakat *gharimin* semasa pandemik kepada mereka yang perlu melunaskan hutang dengan segera supaya dapat meringankan beban mereka serta dapat membantu institusi perbankan daripada mereka yang enggan membayar hutang kerana tersepit dengan masalah kewangan.

## **PENUTUP**

Salah satu golongan asnaf lapan yang disebutkan dalam al-Quran itu adalah asnaf *gharimin*. Ulama-ulama mazhab juga mempunyai definisi tersendiri yang hampir kurang sama dalam mengkategorikan asnaf tersebut. Manakala menurut tafsiran kontemporari, asnaf *gharimin* adalah mereka yang mempunyai hutang untuk kemaslahatan diri atau keluarganya dan tidak mampu untuk membayar hutang tersebut kembali. Perluasan tafsiran asnaf ini dalam konteks pandemik pula telah menunjukkan bahawa peniaga yang terjejas sumber pendapatan dan mereka yang perlu melangsaikan hutang dengan segera layak untuk menerima zakat semasa pandemik sekiranya memenuhi syarat yang digariskan oleh ulama-ulama mazhab. Perluasan tafsiran asnaf zakat yang lebih dinamik ini secara langsung membentuk dimensi baharu dalam lembaran sejarah kutipan dan agihan zakat di Malaysia. Namun, penulis mencadangkan agar pihak yang bertanggungjawab dapat membangunkan satu Garis Panduan Khusus Inisiatif Bantuan Zakat semasa Pandemik untuk dijadikan rujukan MAIN dan institusi-institusi zakat dalam mengagihkan zakat semasa pandemik. Hal ini bertujuan untuk memastikan pengagihan zakat dilaksanakan dengan lebih tersusun dan sistematik serta menepati aspek patuh syariah.

## **PENGHARGAAN**

Kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada pihak Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI), USIM yang membiaya sepenuhnya kajian ini di bawah Geran Penyelidikan USIM, bertajuk "Garis Panduan Pengurusan Zakat Pandemik

Bagi Institusi Zakat di Malaysia”; Kod Penyelidikan: PPPI/FSU/0122/USIM/15822. Ketua penyelidik juga ingin merakamkan penghargaan kepada ahli kumpulan penyelidik kajian ini atas kerjasama yang diberikan.

### **Buku**

- al-Bajuriyy, Ibrahim. 1999. *Hashiah Shaykh Ibrahim al-Bajuriyy 'ala sharh al-'Allamah Ibn al-Qasim al Ghazzi 'ala matn al-Shaykh Abi Shuja'*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Babartiyy, Akmal al-Din Muhammad bin Mahmud al-Hanafiyy. 2007. *Al-'Inayah Sharh al-Hidayah*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Dusuqiyy, Muhammad Ibn Ahmad Ibn 'Urfah. 2003. *Hashiyah al-Dusuqiyy 'ala al-Sharh al-Kabir*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Cet.2, Jil. 2.
- Ibn al-Humam, Kamal al-Din Muhammad Ibn 'Abd al-Wahid al-Sakandariyy. 1995. *Sharh Fath al-Qadir*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Jld. 2.
- al-Kasaniyy, 'Ala al-Din Abu Bakar Ibn Mas'ud al-Hanafiyy. 2000. *Bada'i' al-Sana'i' fi Tartib al-Shara'i'*. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Khin, Mustafa; al-Bugha, Mustafa: al-Sharbajiyy, 'Aliyy. 2005. *Fiqh al-Manhaji: Manhaj Fiqh al-Shafi'iy*. Kuala Lumpur: Prospecta Printers Sdn. Bhd, Jld. 11.
- al-Marghinaniyy, Burhan al-Din Abu Hasan 'Aliyy Ibn Abi Bakar Ibn 'Abd al-Jalil al-Rashdaniyy. 1990. *al-Hidayah Sharh Bidayah al-Mubtadi*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Nawawiyy, Mahyuddin Ibn Sharf. 2000. *Rawdah al-Talibin*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Jld. 2.
- al-Qurafiyy, Shihab al-Din Abu al-'Abbas Ahmad Ibn Idris 'Abd al-Rahman al-Sonhajiyy al-Misriyy. 2008. *Al-Zakhirah fi Furu' al-Malikiyah*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Ed. 2, Jld. 2.
- al-Sarakhsiyy, Muhammad Ibn Ahmad Ibn Abi Sahl Abu Bakar. 1986. *Al-Mabsut*. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Shafi'iy, Muhammad Ibn Idris. 1996. *al-Kitab al-'Umm*. Misr: Dar Qutaybah, Jld. 4.
- al-Zahraniyy, Ahmad Bin 'Abdullah. 1992. *al-Tafsir al-Mawdu'iy Li al-Qur'an al-Karim Wa Namajaz Minhu*. Madinah: al-Jami'ah al-Islamiyyah Bi al-Madinah al-Munawwarah.
- Zakariyya al-Ansariyy, Abu Yahya al-Shafi'iy. 2001. *Asna al-Matalib Sharh Rawdah al-Talib*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Jld. 2.

### **Jurnal**

- Azman Ab Rahman & Afaf Sukari. 2021. *Dimensi baharu dalam pengurusan agihan zakat di Malaysia. Dimensi Baharu Zakat di Malaysia*. Penerbit: Akademik Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM).
- Azman Ab Rahman & Afaf Sukari. 2021. *Keunikan ijthad dan fatwa zakat dalam dimensi baharu wabak Covid-19 di Malaysia*. Dimensi Baharu Zakat di Malaysia. Penerbit: Akademik Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM).
- Mohd Izuddin, W.M & Fatimah Nadhirah, M.N. 2021. *Aplikasi qawaid fihiyyah dalam dimensi baharu kutipan dan agihan zakat*. Dimensi Baharu Zakat di Malaysia. Penerbit: Akademik Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM).

### **Internet**

- Media Mulia. 2020. Kehidupan getir sepanjang PKP. Utusan Malaysia. <https://www.utusan.com.my/ekonomi/2020/12/kehidupan-getir-sepanjang-pkp/> (Diakses pada 9 Julai 2020)
- Mohamad Fazli Sabri. 2021. Moratorium: keperluan atau kehendak. Sinar Harian Online. <https://www.sinarharian.com.my/article/149885/KHAS/Pendapat/Moratorium-Keperluan-atau-kehendak>. (Diakses pada 8 Ogos 2022).
- Shaynaz Sulaiman. 2020. Cari penawar kluster 'al-gharimin' sebelum terlambat. Berita Harian Online.

<https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2020/08/726104/cari-penawar-kluster-al-gharimin-sebelum-terlambat>. (Diakses pada 7 Julai 2020)  
Sri Ayu. 2021. Implikasi besar kepada bank. My Metro. <https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/08/742320/implikasi-besar-kepada-bank> (Diakses pada 9 Ogos 2022).

**Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*